

*PROJEK:*

# PROJEK
# JOHOR FUTURE AGROPRENEUR (JFA)

| | |
|---|---|
| OBJEKTIF | ❑ Melahirkan Golongan Belia Berumur diantara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi Sektor Keusahawanan Pertanian<br>❑ Meningkatkan Pendapatan, Produktiviti serta Kualiti Produk Agromakanan yang dihasilkan Belia Tani melalui Teknologi Terkini dalam Sektor Pertanian<br>❑ Menjadikan keusahawanan Industri Agromakanan sebagai bidang kerjaya Pilihan pada Masa Hadapan |
| SKOP PERMOHONAN | Seperti di Lampiran A |
| KETERANGAN PERMOHONAN | Program ini merupakan satu inisiatif Jabatan terhadap golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Tujuan utama program ini diwujudkan adalah bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi tiga (3) bidang iaitu **Bidang Tanaman, bidang Industri Asas Tani (IAT) dan Bidang Agropelancongan.**<br><br>Sasaran utama projek ini adalah untuk memastikan pendapatan golongan belia yang menceburkan diri didalam sektor pertanian mencapai sekurang-kurangnya RM 5,000 / bulan. |

| | |
|---|---|
| IMPAK | ❑ Purata Pendapatan Usahawan Belia Agromakanan Negeri Johor mencapai sekurang-kurangnya RM 5,000 / sebulan selepas tiga (3) tahun menerima insentif<br><br>❑ Pertambahan Bilangan Usahawan Belia Agromakanan yang dibangunkan |
| KUMPULAN SASAR | ❑ Belia Agromakanan Negeri Johor yang berusia diantara 18 sehingga 40 Tahun |
| OUTCOME | ❑ Menjana pendapatan : **RM 5,000 / sebulan**<br><br>❑ Penghasilan dan Pengeluaran Produk Agromakanan yang mencukupi dan berkualiti serta menyumbang kepada SSR Agromakanan Negara untuk kegunaan domestik dan pasaran luar negara. |

| | | |
|---|---|---|
| **SKOP PROJEK & KADAR INSENTIF** | Program Johor Future Agropreneur (JFA) dikhususkan untuk golongan muda berumur 18 hingga 40 tahun yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan bagi projek mengikut **tiga (3) sektor utama iaitu:**<br>• **Tanaman Makanan Utama dan Berpotensi (termasuk madu)**<br>• **Industri Makanan dan Asas Tani**<br>• **Agropelancongan**<br><br>**1. Sektor Tanaman Makanan Utama & Berpotensi (termasuk madu):**<br><br>**a) Tanaman Konvensional dan Fertigasi**<br><br>**i. Penyediaan Kawasan, Infrastruktur Ladang seperti Pagar, Sistem Pengairan, Stor, Papan Tanda, Jaring Teduhan Dan Peralatan Berkaitan**<br>**ii. Sistem dan Kelengkapan Fertigasi**<br>**iii. Penggunaan teknologi moden khususnya peralatan dan jentera ladang serta mekanisasi pertanian.**<br>**iv. Pembekalan Input-input Pertanian, Bahan Penggalak Pertumbuhan Tanaman Yang Berdaftar Menggunapakai Konsep Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) Secara Lestari, Alat Pelindung Diri (PPE) dan peralatan untuk keperluan Kawalan Perosak/Penyakit**<br>**v. Tapak Percambahan / Semaian Benih, Jaring Kalis Serangga, Trellis/Junjung Dan Peralatan Berkaitan.**<br>**vi. Perolehan Sistem IoT dalam pengoperasian ladang merangkumi jentera, mesin-mesin, bangunan berteknologi serta kelengkapan bagi penggunaan teknologi terkini seperti pengairan pintar (smart irrigation), pengunaan solar dalam pengeluaran hasil tanaman serta lain-lain teknologi yang boleh meningkatkan produktiviti.**<br>**vii. Pembinaan / Naiktaraf Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL)**<br>**viii. Perolehan Mekanisasi Kemudahan Lepas Tuai**<br>**ix. Pemindahan Teknologi melalui Program . Kursus / Seminar / Bengkel dan lain-lain sama ada di dalam atau di luar negara** | **Kadar :**<br><br>**RM 50,000 / Peserta** |

**NAMA PROGRAM : PROGRAM JOHOR FUTURE AGROPRENEUR (JFA)**

| | | |
|---|---|---|
| **SKOP PROJEK & KADAR INSENTIF** | **b) Tanaman Cendawan**<br><br>**i. Pengeluaran Cendawan :**<br><br>• **Pembinaan / Naiktaraf rumah cendawan, bangsal penyediaan benih dan substrat, bilik pemeraman, suntikan dan stor**<br><br>• **bahan binaan dan peralatan serta rak cendawan, pembinaan/ naiktaraf infrastruktur untuk dijadikan sebagai pusat pengumpulan dan pemprosesan cendawan, perolehan mesin yang berkaitan seperti mesin pengaul, Mesin Penyediaan Bongkah, Mesin Penghancur Sabut Kelapa , Peralatan Sistem Pengairan dan bahan mentah serta perolehan benih cendawan.**<br><br>• **Perolehan Sistem IoT dalam pengoperasian ladang merangkumi jentera, mesin-mesin, bangunan berteknologi serta kelengkapan bagi penggunaan teknologi terkini seperti pengunaan solar dalam pengeluaran hasil tanaman serta lain-lain teknologi yang boleh meningkatkan produktiviti.**<br><br>**ii. Pengeluaran Benih Cendawan :**<br><br>• **Membangunkan usahawan benih cendawan merangkumi pembinaan makmal benih serta peralatan dan kelengkapan makmal serta mekanisasi yang berkaitan** | **Kadar :**<br><br>**RM 40,000 / Peserta**<br><br>**Kadar :**<br><br>**RM 50,000 / Peserta** |
| | **c) Pembangunan Industri Madu**<br><br>• **Insentif dalam bentuk peralatan, stor, haif lebah madu/ rumah kelulut, alat/mesin kelengkapan, koloni lebah, koloni kelulut, ratu lebah, set pakaian, mesin pengempar madu, mesin pam madu, sangkar koloni 20’ x 10’ x 10’, rak bertingkat, bahan binaan, anak pokok sumber nektar/debunga, media semaian, tray semaian, polibeg, bahan tanaman/biji benih, dan perolehan bagi tujuan promosi seperti papan tanda.** | **Kadar :**<br><br>**RM 30,000 / Peserta** |

| | | |
|---|---|---|
| **SKOP PROJEK & KADAR INSENTIF** | **2. Sektor Industri Makanan & Asas Tani:**<br><br>**a. Bantuan membina baru bengkel pemprosesan makanan mengikut prosedur pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) serta ke arah Amalan Pengilangan yang Baik (GMP), Khidmat perundingan, penyediaan dokumentasi dan lain-lain untuk memenuhi syarat pensijilan.** | **Kadar : RM 70,000 / Peserta** |
| | **b. Bantuan menaiktaraf bengkel usahawan dan juga pusat latihan iaitu makmal Pembangunan Keluarga Tani (PKT), Pusat Apperantis dan Pusat Inkubator mengikut prosidur ke arah pensijilan Makakan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) dan Amalan Pengilangan yang Baik (GMP), Khidmat perundingan, penyediaan dokumentasi dan lain-lain untuk memenuhi syarat pensijilan.** | **Kadar : RM 40,000 / Peserta** |
| | **c. Bantuan mesin / peralatan serta penciptaan / ubahsuai serta penggunaan teknologi terkini berkaitan dengan Perusahaan Industri Makanan & Asas Tani** | **Kadar : RM 30,000 / Peserta** |
| | **d. Pembangunan Teknologi pembungkusan termasuklah pembangunan Barcode, Analisis fakta nutrisi, khidmat rundingan reka bentuk pelabelan dan pembungkusan, percetakan dan promosi untuk mengeluarkan produk pembungkusan Produk IAT yang bermutu dengan khidmat perundingan agensi/swasta** | **Kadar: RM 30,000 / Peserta** |
| | **e. Perolehan Sistem IoT dalam pengoperasian premis merangkumi mesin, peralatan, bangunan berteknologi serta kelengkapan bagi penggunaan teknologi terkini seperti pengunaan solar dalam pengeluaran serta lain-lain teknologi yang boleh meningkatkan produktiviti.** | |
| | **f. Insentif untuk promosi dan pemasaran produk** | **Kadar: RM 50,000 / Peserta** |

## NAMA PROGRAM : PROGRAM JOHOR FUTURE AGROPRENEUR (JFA)

| | | |
|---|---|---|
| **SKOP PROJEK & KADAR INSENTIF** | **3. Sektor Agropelancongan:**<br><br>**a. Pelaksanaan projek bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelancong dengan menambah baik infrastruktur dan kualiti perkhidmatan untuk pelancong seperti papan tanda, bangku, tandas, surau, galeri, pusat informasi pengunjung, laluan pejalan kaki, pusat jualan, menambahbaik landskap,pusat jualan produk pelancongan, kraftangan dan lain-lain yang sesuai.**<br><br>**b. Pembangunan modal insan khusus dalam bidang agropelancongan bagi pengusaha agropelancongan dan stakeholder.**<br><br>**c. Promosi dan pengalakan agropelancongan dilaksanakan bagi memacu pembangunan industri agropelancongan di samping meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai pusat-pusat agropelancongan di Malaysia.** | **Kadar : RM 50,000 / Peserta** |